

Proton Berlegar di Pasaran Tempatan kalau Terus Bergantung Kepada Kerajaan

Bernama

Jun 22, 2014

TANGKAK, 22 Jun (Bernama) - Pasaran kereta Proton hanya akan berlegar dalam pasaran tempatan jika syarikat itu terus bergantung kepada perlindungan kerajaan untuk meneruskan operasinya, kata Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Hamim Samuri.

Menurut beliau, syarikat pengeluar kereta nasional itu perlu mencari jalan untuk menembusi pasaran antarabangsa setanding dengan syarikat pengeluar kereta Korea Selatan dan Jepun.

Pada masa sama, katanya, rakyat Malaysia perlu mencontohi semangat jati diri dan disiplin masyarakat negara terbabit yang sentiasa menyokong industri kereta mereka.

"Mereka tidak seperti sebahagian daripada rakyat negara kita yang merendahkan mutu kereta nasional kita, termasuk membesar-besarkan isu kelemahan kecil pada bahagian cermin pintu," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menutup Program Kepimpinan Muda Pengakap, Persatuan Puteri Islam anjuran Sekolah Menengah Agama Lughatul Arabiah, Tangkak di dewan Taman Lagenda Gunung Ledang di Sagil di sini, hari ini.

Ir. Hamim berkata, perbelanjaan untuk menghasilkan kereta prototaip yang dilengkapi peralatan robotik dan perisian canggih menelan RM1.5 juta sebelum kereta sebenar dikeluarkan.

Beliau yang juga Ketua UMNO Bahagian Ledang berkata, itu tidak termasuk kos pembinaan kilang pengeluaran kereta yang memerlukan modal lebih RM100 juta.

Terdahulu beliau menegaskan, umat Islam di Malaysia sebenarnya boleh mencapai kemajuan lebih pantas berbanding negara lain jika masyarakatnya mempunyai semangat jati diri dan cinta kepada negara yang tinggi.

Mereka yang diajar dengan sifat-sifat mulia, disiplin serta jati diri, bagaimanapun tidak mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

"Jika kita mengamalkan apa yang disuruh oleh agama, saya rasa umat Islam akan menjadi masyarakat yang paling cepat maju berbanding orang lain," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1048363>